

Usah rendahkan kedudukan Dr. Mahathir

KUALA KRAI 7 Sept. - Perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu yang akan bersidang Sabtu ini dinasihatkan supaya membuat keputusan tepat agar tidak merendahkan kedudukan Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku negarawan yang banyak berjasa.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, tanpa menafikan hak Dr. Mahathir untuk bertanding sebagai perwakilan ke Perhimpunan Agung November ini, pada masa sama sudah pasti menjadi perwakilan tidak bersesuaian untuknya.

"Saya percaya perwakilan Kubang Pasu akan timbang sewajarnya hasrat Dr. Mahathir itu kerana UMNO sentiasa berpegang teguh dengan amalan tradisi orang Melayu yang tidak akan membiarkan seorang pemimpin yang begitu banyak jasanya direndahkan kedudukannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Krai, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Datuk Ramzi Abd. Rahman.

UMNO Bahagian Kubang Pasu yang dijadualkan mengadakan persidangan perwakilannya Sabtu ini bakal menjadi tumpuan kerana Dr Mahathir akan bertanding menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO November ini.

Dr. Mahathir menerima 16 pencalonan daripada 139 cawangan UMNO dalam bahagian tersebut yang selesai bermesyuarat baru-baru ini.

Dalam pada itu mengulas perkembangan yang sama, Annuar yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO melahirkan keyakinan bahawa perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu akan meletakkan kepentingan memelihara perpaduan parti sebagai keutamaan mereka.

Katanya, ini juga sejajar dengan apa yang sentiasa ditekankan oleh Dr. Mahathir sepanjang beliau menjadi Presiden UMNO supaya parti diutamakan berbanding individu.

"Perwakilan Kubang Pasu tentu tahu apa baik buruknya malah dalam masa sama apakah kita merelakan Dr. Mahathir dibiarkan berada di bawah bersama perwakilan biasa pada perhimpunan kelak sedangkan kedudukannya tidak sepatutnya di situ.

"Sebab itu biarlah Dr. Mahathir datang ke persidangan setiap tahun dengan melangkah masuk ke dalam dewan sebagai seorang yang dihormati dan diraikan sesuai dengan statusnya itu." katanya.